



# JABATAN KERJA RAYA MALAYSIA

## PEPERIKSAAN PERKHIDMATAN PEMBANTU TEKNIK

### ELEKTRIK

**KOD : B020**

**SUBJEK : RULES AND REGULATION**

**TARIKH : 19HB. JUN, 1989**

**MASA : 9.00 - 12.00 TENGAH HARI**



UNIT PEPERIKSAAN,  
CAWANGAN PENGURUSAN,  
IBU PEJABAT JKR,  
JALAN SULTAN SALAHUDDIN,  
50582 KUALA LUMPUR.

*Arahan am kepada calon-calon:*

1. *Tuliskan angka giliran serta nombor kad pengenalan anda dengan terang pada tiap-tiap helai kertas jawapan yang digunakan. Jangan sekali-sekali menulis nama anda pada kertas jawapan. Kertas jawapan yang mengandungi nama calon akan dianggap tidak sah.*
2. *Pastikan anda mendapat kertas soalan yang lengkap.*
3. *Jawab dalam Bahasa Malaysia sahaja. Istilah-istilah teknikal yang tiada terjemahannya atau sukar diterjemahkan boleh dikedalkan dalam bahasa asalnya. Jawapan yang tidak mematuhi syarat ini tidak akan diberi markah.*
4. *Jawab secukup soalan sahaja mengikut arahan di dalam kertas soalan. Jawapan bagi soalan lebih tidak akan diberi markah.*
5. *Semua perkiraan untuk mendapatkan jawapan hendaklah ditunjukkan. Jawapan yang betul tetapi tiada menunjukkan perkiraan tidak akan diberi markah.*
6. *Calon-calon digalakkan membuat lakaran untuk menjelaskan jawapan mereka di mana sesuai.*
7. *Calon-calon dilarang merujuk kepada buku atau sebarang bahan rujukan melainkan yang dibenarkan mengikut arahan yang tercatat pada permulaan kertas soalan.*
8. *Penggunaan mesin pengira elektronik tanpa kemudahan program adalah dibenarkan melainkan jika dinyatakan sebaliknya di dalam kertas soalan.*
9. *Bagi subjek peperiksaan di mana masa rehat diberi (misalnya, subjek LUKISAN), calon-calon adalah dilarang membawa kertas soalan keluar dari dewan peperiksaan pada bila-bila masa sehingga keseluruhan peperiksaan untuk subjek berkenaan tamat.*
10. *Semua kertas jawapan mesti disusun dan diikat dengan sempurna.*
11. *Calon-calon dilarang mengambil kertas jawapan kosong yang telah disediakan keluar dari dewan peperiksaan pada bila-bila masa.*
12. *Calon-calon tidak dibenarkan keluar dari dewan peperiksaan dalam tempoh masa 30 minit dari mulanya peperiksaan.*
13. *Tindakan tatatertib akan diambil terhadap calon-calon yang menyerahkan kertas jawapan kosong (tanpa sebarang jawapan) sekiranya mereka tidak mempunyai sebab yang munasabah.*
14. *Calon-calon yang didapati meniru/menipu semasa menduduki peperiksaan akan dikenakan tindakan tatatertib.*
15. *Tindakan tatatertib akan diambil terhadap calon yang mengingkari arahan Ketua Pengawas semasa di dalam dewan peperiksaan.*

PERKARA: B020 - RULES & REGULATIONS

ARAHAN KEPADA CALON-CALON

Kertas ini mengandungi sebanyak tujuh (7) soalan.  
Jawab mana-mana lima (5) soalan sahaja.

SOALAN 1

- a) Terangkan dengan ringkas apa yang dimaksudkan dengan Arahan Perubahan Kerja dan Pengukuran semula kuantiti sementara.

(5 markah)

- b) Apakah kriteria yang perlu dipatuhi sebelum permohonan Arahan Perubahan Kerja dikemukakan kepada pihak-pihak yang berkenaan yang ditetapkan untuk kelulusan?

(7 markah)

- c) Sebagai pegawai yang terlibat secara terus dari peringkat perancangan sehingga mengawasi dan menyelia projek-projek di tapak bina, nyatakan langkah-langkah yang perlu diikuti bagi mengelakkan atau mengurangkan Arahan Perubahan Kerja.

(8 markah)

SOALAN 2

- a) Nyatakan peraturan-peraturan perolehan perkhidmatan dan bekalan bernilai kurang dari \$50,000.00 setahun dan syarat-syarat penggunaan kontraktor/pembekal yang tidak berdaftar dengan Pusat Khidmat Kontraktor (PKK)/Kementerian Kewangan.

(6 markah)

Soalan 2 (sambungan)

- b) Apakah syarat-syarat yang perlu dipatuhi oleh kontraktor kerja untuk mendapatkan taraf "Bumiputera" dan apakah kriteria-kriteria yang menyebabkan taraf ini dibatalkan?

(9 markah)

- c) Terangkan Tugas Lembaga Tender mengikut Arahan Perbendaharaan 193.

(5 markah)

SOALAN 3

Berikan penjelasan berkenaan Peraturan IEE Edisi ke-15 berhubung dengan perkara-perkara berikut:-

- i) Keperluan asas keselamatan
- ii) Perlindungan arus berlebihan
- iii) Perlindungan daripada arus bocor bumi atau kerosakan ke bumi.
- iv) Kedudukan alat perlindungan dan suis
- v) Pengasingan dan persuisan.

(20 markah)

SOALAN 4

Berdasarkan kepada Peraturan-peraturan Elektrik 1984:-

- a) Nyatakan secara am kelayakan yang dikehendaki untuk memperolehi perakuan kekompetenan bagi penjaga jentera elektrik.

(4 markah)

..2/=

Soalan 4 (sambungan)

- b) Jelaskan bagaimana tindakan penggantungan, pembatalan atau pengesahan (endorsement) perakuan kekompetenan penjaga jentera dan pendawai elektrik boleh diambil.  
(10 markah)
- c) Terangkan apa yang dimaksudkan dengan 'salah laku yang serius'.  
(6 markah)

SOALAN 5

- a) Di dalam kerja pembinaan tanda isyarat elektrik, anda dikehendaki memasang suis kecemasan bomba untuk mengawal litarnya.

Terangkan langkah-langkah atau tindakan yang perlu dipatuhi untuk pemasangan suis kecemasan bomba tersebut.

(10 markah)

- b) Huraikan mengenai 'penyenggaraan dan keselamatan pemasangan'.

(10 markah)

SOALAN 6

Terangkan syarat-syarat khas bagi Talian Aerial yang dikendalikan pada voltan rendah.

(20 markah)

SOALAN 7

Terangkan cara-cara penyediaan dokumen-dokumen kontrak utama yang melebihi \$50,000.00 serta polisi-polisi yang diperlukan.

(20 markah)

\*\*\*\*\*